

Hubungan *Dilalah Ijaz* dalam Juz 'Ammah dengan Alam dan Penciptanya

Relationship of the meaning of *Ijaz* in Juz 'Ammah with Nature and Its Creator

Mohamad Amir Mohd Dahalan

Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: +605-7732271 E-mail: amirafnan@usas.edu.my

Abstrak

Perbincangan tentang hubungan sains dan al-Qur'an sering menarik para pengkaji untuk diteliti. Berdasarkan tulisan-tulisan ilmuwan Islam, tidak terdapat hubungan jelas antara al-Qur'an dan ilmu semasa yang memberi jaminan bahawa al-Qur'an itu diberi pentafsiran secara harmonis menurut tuntutan wahyu. Pentafsiran al-Qur'an pada masa kini menghadapi cabaran daripada intelektual muslim yang mesra dengan teori ilmu baru yang tidak serasi dengan tradisi keilmuan Islam. Sains dalam al-Qur'an dikawal oleh petunjuk wahyu yang ditafsir oleh akal berpandukan pendekatan yang serasi dengan turath Islam. Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti apakah bentuk hubungan *dilalah ijaz* dalam juz 'Ammah yang berkaitan dengan alam dan penciptaannya. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif analisis kandungan melalui pendekatan deduktif yang dipandu oleh premis '*Ijaz al-Qur'an*'. Kajian ini membuktikan bahawa wujud hubungan *dilalah ijaz* dalam juz 'Ammah dengan ilmu-ilmu semasa seperti ilmu astronomi, geografi, meteorologi, botani dan sebagainya. Al-Qur'an telah mengungkapkan mesej ilmu secara tepat, padat, ringkas dan sangat bermakna serta mengatasi teori pemikiran semasa, dan dapat dimanfaatkan dalam pelbagai disiplin. Begitu juga ungkapan *dilalah ijaz* dalam membentangkan perkara-perkara berkaitan penciptaan alam seperti lapisan atmosfera, matahari dan gas panasnya, struktur gunung-ganang, gempa bumi dan pergerakan plak tektonik, bumi berbentuk

sfera, khasiat buah tin dan buah zaitun serta keistimewaan penciptaan unta sebagai satu jentera yang efisien di padang pasir. Dengan ini, tidak perlu lagi huraian bertulis terperinci, cukup dengan huraian yang ringkas dan padat dan dapat diaplikasikan dalam semua disiplin yang dilihat dari perspektif Islam. Jelas tampak hubungan serasi *dilalah ijaz* dalam juz 'Ammah dengan ilmu-ilmu semasa. Impak kajian ini ialah terhasilnya penerangan tentang *dilalah ijaz* secara sistematik dan akademik yang boleh dimanfaatkan dalam kajian lain yang mementingkan persoalan *dilalah* sebagai satu aspek kemukjizatan al-Qur'an.

Kata kunci: *Dilalah*, *Ijaz*, *Juz 'Ammah*, al-Qur'an dan Sains

Abstract

Discussion of the relationship of science and al-Qur'an is a discourse which normally draws the interest of researchers to look into this relationship. Based on the writings of some Muslim scholars, there is no clear-cut relationship between al-Qur'an and current disciplines that would guarantee that al-Qur'an is given harmonious interpretation according to the Revelation requirement. Interpretations of al-Qur'an presently encounter challenges from Muslim intellectuals who are familiar with new theories of knowledge which are not friendly to Islamic tradition of knowledge. Sciences in the al-Qur'an are prescribed with the Revelation guidance which is interpreted by the reason

guided with the approach compatible to Islamic knowledge heritage. This study strives to delve into the relationship of *Ijaz* (abridgement) in *Juz 'Amma* related to mankind and its creation, apart from the universe and its creation. This study adopts qualitative methodology of content analysis through deductive approach guided through the premise of '*Ijaz* al-Qur'an. This study proves that there is the relationship of *dilalah ijaz* in *Juz 'Amma* with current fields of knowledge such as biology, embryology, astronomy, geography, meteorology, botany and zoology. Al-Qur'an has precisely, concisely and meaningfully articulated messages of knowledge, besides overcoming contemporary theories of thought, and it can be benefited in various disciplines concerning human creation process, balanced human physical structure as well as the universe beneficial for human life on earth. Likewise, the articulation of *dilalah ijaz* in presenting things related to the creation of the universe such as atmospheres, the sun and global warming, the structure of mountains, earth quakes and the movement of tectonic plates, the spherical earth, the nutrition of figs and olives as well as the speciality of created camels as an efficient machine in the desert. Obviously, there is harmonious relationship between *dilalah ijaz* in *Juz 'Amma* and current fields of knowledge. The impact of this study is the proven systemic explanation of *dilalah ijaz* which can be expanded in other researches to come concerning the question of *dilalah ijaz* as an aspect of the inimitability of the Qur'an. Thus, there is no need for detailed written explanation, sufficiently with short and concise explanation and it is potentially applied in all disciplines viewed in Islamic perspective.

Keywords: *Dilalah*, *Ijaz* (abridgement), *Juz 'Amma*, al-Qur'an and Science

Pendahuluan

Tidak terdapat hubungan jelas di antara *dilalah* al-Qur'an berhubung dengan ilmu-ilmu semasa khususnya dalam bidang sains. Berdasarkan kajian para ilmuan islam, tiada jaminan yang

kukuh al-Qur'an itu diberi pentafsiran secara harmonis mengikut kehendak asal wahyu. Hal ini juga turut diperakukan oleh Abd al-Raziq (2002). Kajian ini menyingkap rahsia makna tersirat daripada lafaz yang ringkas (*ijaz*) berhubung dengan sains. Al-Qur'an memiliki laras bahasa yang sangat indah dan sempurna seperti keharmonian dalam pemilihan perkataan samada dari segi bilangan perkataan mahu pun ketepatan maknanya. Menurut Wardhana (2004) al-Qur'an boleh memberikan kemungkinan makna yang tidak terbatas. Ayat-ayatnya terbuka untuk menerima interpretasi baharu.

Maklumat berkaitan pentafsiran al-Qur'an dewasa ini amat mudah diperolehi di internet. Pembaca awam mudah terpengaruh dengan gaya pentafsiran baharu seperti tafsir berorientasikan pemahaman kontekstual semata-mata tanpa pengawalan dan tanggungjawab akademik (Hary 2014). Hal ini telah menyebabkan *dilalah* asal yang ingin disampaikan wahyu tersasar jauh daripada makna sebenar. Sebaliknya pandangan para pendokong tafsir berorientasi kontekstual pula menyatakan bahawa; tafsir gaya lama yang hanya tertumpu kepada aspek literal (normatif dan klasik) tidak mampu memberikan kefahaman kepada masyarakat dewasa kini (Mufid 2013).

Sehingga hari ini, pengkaji mendapati kajian-kajian seumpama masih belum tetap. Kajian-kajian lepas juga tidak memiliki peraturan khusus yang boleh dijadikan garis panduan kepada para pengkaji dalam menghubungkan *dilalah* al-Qur'an dengan sains. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompangan ini.

Pengkajian bahasa bukanlah terletak pada susunan lafaz dan perkataan semata-mata. Bukan juga sekadar kajian linguistik dan tatabahasa (nahu dan sorof) sahaja. Malah lebih daripada itu, kajian bahasa perlu menilai dan menganalisis makna sesuatu ungkapan sama ada yang tersurat atau pun yang tersirat, tambahan pula bahasa al-Qur'an bukanlah percakapan manusia biasa. Roslan dan Idris (2011)

Antara lain kajian yang berkaitan adalah seperti kajian yang bertajuk “Harmonizing Between The Translations of The Meaning of The Kawniyyat and Modern Science. Fact: A Review of The Verses of The Creation of The Human” oleh Ahmad Bazli et al (2014) :157-170” dan “Metode al-Ilmi al- Naqli al-Ijtimai’ Dalam Menyerlahkan Kemukjizatan Al-Quran: Satu Analisis Terhadap Metode al-Sha’rawi Dalam Tafsir al- Sha’rawi oleh Selamat Amir et al (2015):135-156”. Kedua-dua kajian ini membahas dilalah al-Qur’an berhubung mukjizat daripada aspek bahasa dan sains. Ramai ilmuan Islam menyimpulkan bahawa mukjizat al-Qur’an boleh dirasai melalui aspek bahasanya (al-Zamakhsyari 1998) dan (Amanah 2015).

Jika diperhatikan kepada manhaj tafsir yang digunakan oleh Zaghoul al-Najjar dalam Tafsir al-Ayat Al-Kawniyyat fi al-Qur’an al-Karim menonjolkan kemukjizatan al-Qur’an berteraskan hujah saintifik (Selamat Amir 2012). Manakala Ahmad Bazli et al (2014) memberi penekanan agar umat Islam perlu memberi perhatian terhadap *dilalah* al-Qur’an khusus berhubung kait dengan ayat-ayat *kawniyyat* (penciptaan alam) yang merupakan kandungan majoriti di dalam al-Qur’an. Mengambil contoh ayat al-Qur’an 67:19, misalnya, yang menerangkan hal bentuk aerodinamik sayap seekor burung yang membolehkannya menjadi satu makhluk yang amat efisien ketika terbang di udara. Ayat-ayat kawniyyat ini sangat memerlukan hujah saintifik bagi memahami seterusnya memelihara maksud sebenar dilalahnya.

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dijelaskan, timbul beberapa persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini seperti berikut:-

Apakah hubungan dilalah ijaz juz ‘Amma dengan penciptaan langit dan matahari?

Apakah hubungan dilalah ijaz juz ‘Amma dengan penciptaan bumi, tumbuhan dan haiwan?

Bagi menjawab dua persoalan di atas, kajian ini menggariskan dua objektif yang mesti dicapai, iaitu:-

Untuk mengenal pasti hubungan dilalah ijaz juz ‘Amma dengan penciptaan langit dan matahari, dan;

Untuk mengenal pasti hubungan dilalah ijaz juz ‘Amma dengan penciptaan bumi, tumbuhan dan haiwan.

Kajian ini mempunyai skop dan aspek tumpuan, berfokus kepada *dilalah* juz ‘Amma yang berhubung dengan alam dan penciptaannya. Jadual di bawah menyenaraikan ayat-ayat yang akan diberi penumpuan dalam kajian ini.

Jadual 1.1 Aspek tumpuan kajian.

Ayat kajian	Surah	Dilalah berhubung persoalan kajian
al-Qur’an (88:18)	al-Ghasyiah	Teori peluasan alam.
al-Qur’an (91:1)	al-Syams	Matahari dan gas panasnya.
al-Qur’an (99:1)	al-Zalzal	Gempa bumi dan pergerakan plat tektonik bumi.
al-Qur’an (95:1)	al-Tin	Khasiat tumbuh-tumbuhan.
al-Qur’an (88:17)	al-Ghasyiah	Penciptaan unta sebagai mesin yang efisien di padang pasir.

Juz ‘Amma sangat hampir dengan pembaca al-Qur’an. Majoriti umat Islam mula mempelajari al-Qur’an melalui surah-surah dalam juz ini. Penggunaan ayat-ayat ini secara praktikalnya banyak diamalkan dalam solat, doa dan wirid. Maka, kajian ini amat hampir dalam memberi pengertian dan persepsi baru kepada masyarakat Islam. Justeru, ia akan memberi suatu pemerksaan terhadap pemahaman terhadap Islam. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan bahan bacaan umum.

Pengkaji menjangkakan hasil kajian bahawa wujud hubungan *dilalah* ijaz dalam juz ‘Amma dengan dua persoalan kajian dan analisis kepada hubungan-hubungan ini tidak lari daripada kehendak asal wahyu. Wahyu tidak perlu akur kepada mana-mana teori kerana sifat wahyu itu yang *Ijaz* (melemahkan). Teori-teori ilmu

semasa pula bersifat berubah-ubah. Ianya akur kepada wahyu. Hakikatnya wahyu dan ilmu tidak boleh dipisahkan, kerana kedua-duanya bersumber asal yang satu iaitu Allah SWT. Kajian ini juga akan menambah impak terhadap kajian-kajian lepas dan kajian pada masa akan datang dalam mengungkap kemukjizatan al-Qur'an melalui aspek bahasa.

Tinjauan Literatur

Aspek Mukjizat al-Qur'an

Menurut Amanah (2015) telah menyimpulkan bahawa mukjizat al-Qur'an boleh dilihat daripada aspek bahasanya berdasarkan pandangan al-Zamakhsyari (1998). Al-Zamakhsyari pula menyatakan mukjizat al-Quran terletak pada nazamnya. Nazam bermaksud pemilihan perkataan dan makna yang tepat dan fasih. Kefasihan al-Qur'an dapat dijelaskan melalui cabang ilmu Balaghah. Menurut kajian Amanah (2015) yang bertajuk 'Ijaz al-Qur'an 'Inda Abi al-Qasim al-Zamakhsyari (Dirasah Tahliliyyah Wasfiyyah Balaghiyyah Fi Surah Al-Fatihah) Amanah mengusulkan aspek bahasa merupakan suatu bidang yang sangat relevan untuk dikaji oleh seluruh umat Islam. Beliau menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Amanah (2015) adalah seperti berikut; Pertama: Pengumpulan data berkaitan pendapat al-Zamakhsyari berhubung mukjizat al-Quran. Kedua: Analisis data yang diperolehi termasuk sejarah pemikiran yang memandu kepada konsep 'Ijaz al-Qur'an. Ketiga: Klasifikasi data berdasarkan pemikiran tokoh, objek yang dikaji dan metode yang dicadangkan dan Keempat: Interpretasi data-data yang sudah diklasifikasi sebagai kembangan dan analisis.

Selamat Amir et al. (2012) dalam kajian mereka yang bertajuk "Aplikasi Elemen Sainifik dalam Tafsir al-Qur'an: Satu Pengamatan Awal Terhadap Manhaj Tafsir al-Ayat al-Kawniyyat fi al-Quran al-Karim (tulisan al-Najjar 2007)" adalah bertujuan menonjolkan kemukjizatan al-Qur'an melalui hujah saintifik. Perkembangan

sains dan teknologi pada masa kini adalah sejajar dengan proses urbanisasi keilmuan. Hal ini menuntut penilaian analitis ilmuan Islam untuk lebih memahami maksud al-Qur'an dipandang mengikut dimensi yang pelbagai selari syariat Islam. Kajian ini menggunakan metodologi tinjauan analisis kuantitatif dengan dapatan al-Najjar 2007 dalam tafsirnya telah membahagikan perbincangan kepada beberapa tema daripada ayat-ayat terpilih berdasarkan 3 elemen. Tema-tema tersebut adalah; Alam semesta (159 ayat), penciptaan manusia (32 ayat) dan kesihatan (4 ayat). Selamat Amir et al. (2012) membuat kesimpulan bahawa tafsir ini adalah merupakan tafsir saintifik terkini yang paling lengkap yang memuatkan penemuan-penemuan saintifik ketika mentafsirkan ayat-ayat tertentu. Al-Najjar (2007) bukan sahaja melihat daripada perspektif tradisi klasikal, tetapi memuatkan hujah-hujah semasa yang bersifat pembuktian sains sebagai bukti penghujahan.

Menurut Baihaqi (2011) pula terdapat kekeliruan dalam kalangan umat Islam dalam menentukan aspek kemukjizatan al-Qur'an yang sebenar. Kekeliruan ini muncul daripada dua aspek iaitu aspek al-Qur'an itu sendiri merupakan sebuah skrip suci dan aspek yang menjustifikasikan al-Qur'an itu datangnya daripada Allah SWT. Objektif kajian Baihaqi (2011) adalah untuk memahami kedua-dua aspek tersebut. Kajian ini telah menggunakan pendekatan analisis dan pentafsiran semula terhadap konsepsi dan tanggapan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ilmuan Islam dalam merumuskan aspek mukjizat al-Qur'an. Aspek bahasa dilihat oleh Baihaqi sebagai satu-satunya aspek yang kekal relevan menjadikan al-Qur'an itu suatu mukjizat. Baihaqi (2011) berpendapat bahasa al-Qur'an secara lisannya memiliki persamaan dengan bahasa Arab, namun apabila dilihat daripada sudut sifat dan ciri-ciri yang dimiliki oleh keduanya adalah berbeza. Ini adalah kerana bahasa Arab merupakan produk manusia yang memiliki sisi positif dan negatif. Berbeza dengan bahasa al-Qur'an yang merupakan kalam Allah.

Aspek *Dilalah* al-Qur'an Berhubung Sains

Menurut kajian Ahmad Bazli et al. (2014) salah satu tanggungjawab muslim terhadap al-Qur'an adalah untuk memahami dan mengkaji keseluruhan kandungan tanpa mengabaikan walau satu perkara kecil pun daripada ayat-ayat al-Qur'an. Tetapi ada satu aspek yang sering dipandang ringan oleh umat Islam; iaitu aspek ayat-ayat *kawniyyat* (penciptaan alam). Hakikatnya kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an adalah membicarakan tentang penciptaan alam. Kajian mereka yang bertajuk *Harmonizing Between The Translation of The Meaning of The Kawniyyat Verses and Modern Science Fact : A Review of The Verses of The Creation of The Human* adalah bertujuan untuk mengharmonikan antara terjemahan makna ayat-ayat *kawniyyat* yang sedia ada dalam al-Qur'an dengan fakta sains moden menggunakan pendekatan saintifik. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Objektif kajian mereka adalah untuk menilai terjemahan makna ayat-ayat *kawniyyat* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman (Abdullah Basmeih 1980). Ahmad Bazli et al. (2014) memberikan tumpuan pada ayat-ayat penciptaan manusia berorientasikan pendekatan hujahan saintifik yang diselaraskan dengan terjemahan pada makna-makna ayat tersebut. Kajian mereka mendapati bahawa terjemahan yang sedia ada bagi makna al-Qur'an boleh diharmonikan dengan fakta-fakta sains moden.

Manakala Selamat Amir et al. (2014) pula membuktikan dalam kajian mereka bahawa kemukjizatan al-Qur'an dilihat menerusi perspektif saintifik acuan Islam. Ini adalah sejajar dengan tafsir yang ditulis oleh (al-Sya'rawi 1991) di dalam tafsir beliau Tafsir al-Sya'rawi. Selamat Amir et al. (2014) berkeyakinan bahawa pengkajian kritis terhadap ilmu-ilmu di dalam al-Qur'an mencetuskan kepelbagaian disiplin ilmu pengetahuan. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan dan telah mendapati bahawa kredibiliti dan keilmuan yang dimiliki oleh al-Sya'rawi dalam pelbagai bidang. Selamat

Amir et al. (2014) mendapati metodologi yang digunakan oleh al-Sya'rawi adalah merupakan metodologi terbaik untuk memahami pentafsiran saintifik al-Qur'an kerana ianya menyerlahkan disiplin ilmu pengetahuan Islam sebagai suatu yang asli serta kukuh dalam memahami elemen utama al Quran; ketuhanan, sosial dan alam semesta amnya.

Kajian Zulkarnain (2011) menampilkan satu pendekatan Islam yang sesuai dalam kajian sastera. Zulkarnain (2011) memberikan gambaran tepat tentang tasawwur Islam dalam memartabatkan kemukjizatan al-Qur'an. Pendekatan yang dimaksudkan ialah *ta'amul-taklif*; iaitu satu kombinasi antara dua pertimbangan dalam kajian sastera. Pendekatan *ta'amul* dibahaskan secara terperinci oleh (Abd al-Raziq 2002) manakala pendekatan *taklif* dibincangkan secara terperinci oleh (Mohd. Affendi et al. 2008). Pendekatan ini penting dalam menjaga tasawur Islam semasa khalayak memanfaatkan sumber dan membina ilmu atau disiplin secara khusus sesuai dengan tuntutan Islam dalam membina budaya ilmu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan pendekatan tersebut dalam menjaga tasawur Islam kerana kedua-dua komponen *ta'amul* dan *taklif* menggambarkan kesedaran dan kewajipan pengkaji muslim. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dan pentafsiran semula terhadap konsepsi dan tanggapan, norma-norma ilmu pengetahuan dan kepatuhan agama. Kajian ini menggunakan kerangka teori tauhid yang diasaskan pada wahyu, iaitu al-Qur'an. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan tersebut berupaya memurnikan tasawur Islam dan membezakan antara karya Islam dan bukan Islam. Menurut kajian ini pengkaji menampilkan pendekatan *ta'amul-dilalah* iaitu cetusan daripada pendekatan *ta'amul-taklif* yang telah digagaskan oleh Zulkarnain (2011) sebagai pelengkap dalam kajian sains pula. *Ta'amul* adalah berurusan dengan tanggungjawab yang penuh sedar terhadap sumber yang dimanfaatkan manakala *dilalah* secara literalnya bererti makna, tetapi berbeza dengan makna semata-mata. Ianya terbatas pada satu kumpulan

dimensi makna yang secocok dengan sesuatu penamaan (nomenclature) dan ia diasaskan pada nilai yang tetap iaitu akidah, syariat dan akhlak Islam yang secocok dengan penamaan itu.

Aspek *Ijaz* (ringkas) di dalam *Dilalah al-Qur'an*

Yafie (2016) di dalam disertasi Ph.D beliau menyatakan bahawa al-Qur'an bukan semata-mata mengandungi perkara-perkara berkaitan akidah semata-mata tetapi juga memberi petunjuk yang menyeluruh berkaitan semua aspek kehidupan manusia tanpa mengira bangsa dan pada zaman mana sekali pun. Lebih daripada itu, al-Qur'an tersusun dengan semua keistimewaan bahasanya, bermula daripada susunan kata, lafaz dan gaya bahasa. Kajian beliau bertujuan untuk menganalisis makna-makna ayat yang berbentuk *Ijaz* (ringkas) dan *Ittab* (panjang) dalam surah Ibrahim dan Maryam seterusnya menyingkap makna-makna tersebut. Yafie (2016) menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan dan telah mendapati bahawa *Ijaz* berbanding *Ittab* adalah lebih banyak, kerana pada dasarnya al-Qur'an itu adalah *ijaz*.

Adnan et al. (2008) membincangkan peranan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu, peradaban dan komunikasi berlandaskan kepentingannya berbanding bahasa-bahasa lain di seluruh pelusuk dunia. Kajian yang menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan ini bertujuan menjelaskan keistimewaan bahasa Arab yang dapat dilihat dalam dua aspek, iaitu perubahan bentuk kata dan perubahan bentuk ayat yang melibatkan aspek-aspek morfologi, semantik dan sintaksis. Kajian ini telah membawa kepada penelitian semantik atau *dilalah*. Kajian ini juga mendapati bahasa Arab amat cenderung kepada bentuk *ijaz* (ringkas) dan *baligh* (sampai maklumat); yang menjadi pengukur utama dalam menentukan ketinggian nilai sesuatu bahasa itu.

Mulyawan (2011) di dalam artikelnya Studi Ilmu *Ma'ani* (Stylistic) Terhadap Ayat-Ayat

Surat Yasin mendapati uslub *ijaz* telah muncul sebanyak dalam 23 uslub di dalam surah Yasin. Objektif kajian beliau adalah untuk meneliti dan menganalisis gaya-gaya bahasa ayat-ayat di dalam surah Yasin yang ditinjau melalui skop ilmu *al-ma'ani*. Mulyawan (2011) menggunakan metodologi kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan dengan menggunakan ilmu *al-ma'ani* dan ilmu *nahu* (sintaksis) sebagai medium analisis kajiannya. Kesimpulan kajian ini merumuskan kesemua ayat-ayat dalam surah Yasin yang memiliki gaya *ijaz* dengan *dilalahnya* jelas membawa maksud ketauhidan, celaan terhadap golongan mungkar dan penyesalan golongan ini.

Hubungan Sains (ilmu semasa) dengan *Dilalah al-Qur'an*

Dalam tulisan Kamarul Azmi dan Siti Hafshar (2013) di dalam buku "Al-Qur'an dan Tenaga Suria" menyatakan betapa pentingnya usaha menyingkap sebahagian besar mukjizat al-Qur'an dan hubungannya dengan sains botani, zoologi dan tenaga dalam kehidupan manusia. Pengertian sains dalam al-Qur'an ini sukar difahami sejak seribu tahun lalu, berbanding pada masa kini. Kamarul Azmi dan Siti Hafshar (2013) mencadangkan agar buku ini dijadikan sebagai rujukan kepada semua pensyarah sains dan teknologi serta para siswazah dalam bidang-bidang yang berkaitan, sebagai usaha memahami perbincangan asas sains dalam kehidupan manusia. Dalam kajian mereka yang dibukukan ini menggunakan metodologi analisis kandungan. Huraian kepada fenomena sains dengan *dilalah al-Qur'an* dibahagikan kepada empat (4) bab yang berkisar tentang ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang sains botani, zoologi dan tenaga-tenaga yang terdiri daripada tenaga suria dan tenaga nuklear yang telah pun difahami manusia pada zaman ini.

Dalam buku bertajuk "Al-Qur'an Satu Mukjizat Yang Menakjubkan" tulisan Kamarul Azmi dan Atikah Selamat (2013) pula menyatakan kepentingan menyingkap sebahagian besar mukjizat al-Qur'an dan hubungannya dengan

fisiologi, biologi, proses kejadian manusia dan perubatan. Buku ini disusun dengan menghimpun lima (5) buah artikel yang berkisar tentang ayat-ayat al-Qur'an yang berhubung sains penciptaan manusia. Hal ini baru sahaja difahami oleh manusia pada zaman ini dan tidak pada zaman dahulu semasa awal al-Qur'an itu diturunkan. Artikel-artikel tersebut adalah seperti berikut: Al-Qur'an Satu Mukjizat Yang Menakjubkan, Al-Qur'an dan Fisiologi, Al-Qur'an dan Biologi, Al-Qur'an dan Proses Kejadian Manusia dan Al-Qur'an dan Perubatan.

Ahmad Bazli (2014) mendapati beberapa permasalahan yang terdapat dalam penterjemahan makna al-Qur'an. Keadaan ini menyebabkan terdapat perkataan atau ayat al-Qur'an yang tidak diterjemahkan dengan betul. Faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan tersebut ialah terbatasnya kemahiran dalam ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an. Kajian Ahmad Bazli (2014) ini adalah bertujuan menyemak kembali terjemahan makna ayat-ayat kawaniyyat yang terdapat dalam terjemahan al-Qur'an berbahasa Melayu yang sedia ada yang memfokuskan kepada lima aspek penciptaan, iaitu haiwan, tumbuhan, manusia, bumi dan langit.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Metodologi kajian ini adalah kualitatif analisis kandungan. Metodologi ini adalah satu bentuk kajian yang diupayakan untuk mengamati permasalahan secara sistematik dan tepat mengenai fakta-fakta dalam sifat-sifat objek tertentu. Metodologi analisis kandungan merupakan satu reka bentuk kajian bertujuan menganalisis dan menjelaskan suatu masalah secara komprehensif dan holistik. Reka bentuk kajian jenis ini, digunakan secara meluas dan sangat efisien serta efektif, mendasar dan serbaguna.

Pendekatan yang sesuai dengan kajian teks ialah satu pendekatan yang dapat menghuraikan

kedudukan perkataan, ayat atau mesej yang terkandung dalam teks tersebut. Makna sesuatu perkataan pula ditentukan kedudukannya dalam ayat (al-Jurjani 1992). Dengan kata lain, makna suatu perkataan tidak berdiri sendiri. Oleh yang demikian pendekatan yang sesuai adalah bersifat teoritikal iaitu: satu premis untuk menjamin huraian terhadap perkataan, ayat dan mesej tersebut sesuai dengan roh atau semangat asal teks tersebut. Dalam hal ini premis tersebut adalah mukjizat al-Qur'an itu sendiri. Ini juga bererti pendekatan kajian ini sudah pasti kualitatif (kajian perpustakaan atau analisis teks sahaja). Lebih tepat lagi, kualitatif deduktif sesuai dengan kecerendungan memelihara manhaj tradisi islam.

Deduktif adalah cara berhujah yang menggunakan premis. Menurut Elo et al. (2008) pendekatan deduktif adalah berguna jika tujuan umum sebuah kajian adalah untuk menguji teori sebelumnya (atau kita telah sediakan premis) dalam keadaan yang berbeza atau untuk membandingkan kategori pada tempoh masa yang berbeza. Premis merujuk Kamus Dewan Bahasa Melayu edisi keempat (Kamus Dewan 2005), adalah sesuatu pernyataan dan sebagainya yang diandaikan (dianggap) sebagai sesuatu yang benar untuk tujuan membuat huraian yang membawa kepada sesuatu kesimpulan kelak; berpremiskan mempunyai atau menggunakan sesuatu sebagai premis/ berteraskan sesuatu. Maka dalam kajian ini, premis merupakan satu landasan pemikiran atau perspektif dan pandangan yang diterima pakai dan dianggap sebagai tradisi dalam sesuatu disiplin atau cabang ilmu dalam pentafsiran mengikut sains.

Penentuan sumber bahan utama kajian ini terbahagi kepada dua sumber, iaitu data primer dan data sekunder.

Data Primer

Data primer dalam kajian ini adalah ayat-ayat al-Qur'an dalam *juz 'Amma* yang dipilih mengikut persoalan kajian. Sebagaimana yang pengkaji

telah sebut pada awal pembahasan sub topik reka bentuk kajian, bahawa pengkaji mengguna pakai satu pendekatan yang dapat menghuraikan kedudukan perkataan, ayat atau mesej yang terkandung dalam teks tersebut. Lebih tepat lagi makna perkataan ditentukan kedudukannya dalam ayat dan sesuatu surah tertentu sahaja serta mengambil kira dimensi makna.

Dengan kata lain, makna suatu perkataan tidak berdiri sendiri (al-Jurjani 1992). Pengkaji meneliti apakah hubungan *dilalah ijaz* dengan persoalan kajian dan mengenal pasti hubungan-hubungan tersebut. Ini bermakna pengkaji memberikan hujahan *dilalah ijaz* berpaksikan mesej yang terkandung di dalam sesuatu surah, tanpa memberi *dilalah* perkataan atau ayat yang sama pada surah yang lain.

Jadual 1.2 Data-data primer sumber bahan utama kajian ini bagi menjawab persoalan kajian

No. Ayat / Surah	Persoalan kajian	Ayat yang merujuk <i>dilalah</i> persoalan kajian
al-Qur'an (88:18)	Persoalan 1	وَالِى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ۸۱
al-Qur'an (91:1)	Persoalan 1	وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ۱
al-Qur'an (99:1)	Persoalan 2	إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ۱
al-Qur'an (95:1)	Persoalan 2	وَالنَّيْنِ وَالرَّيْنُونَ ۱
al-Qur'an (88:17)	Persoalan 2	أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ۷۱

Data Sekunder

Data sekunder pula merupakan sumber data-data sokongan sebagai pengembangan kepada data-data primer. Di dalam kajian ini, data sekundernya adalah sumber-sumber daripada pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan perbincangan kajian terdiri daripada geografi, astronomi, botani dan zoologi.

Pengkaji bukan sahaja melihat proses menginterpretasi makna sesuatu ayat daripada perspektif tradisi klasikal sahaja, malah lebih daripada itu. Proses menginterpretasi

memuatkan hujah-hujah saintifik sebagai bukti penghujahan. Pengkaji memberi tafsiran ringkas dan tidak menghuraikan secara panjang lebar dan hanya memfokuskan kepada makna disebalik penurunan ayat. Pengkaji menonjolkan hubungan *dilalah ijaz* dalam *juz 'Amma* dengan huraian pembuktian ilmu semasa.

Kaedah Pemilihan Sampel

Kaedah Sampel yang dipilih di dalam kajian ini adalah *dilalah ijaz* ayat-ayat al-Qur'an di dalam *juz 'Amma* berdasarkan persoalan yang telah dinyatakan di atas. Dalam kajian ini, pengkaji sedikit cenderung terhadap pendekatan *tafsir 'ilmi* (saintifik). Menurut al-Khalidi (2008) *tafsir 'ilmi* ialah tafsiran al-Qur'an secara ilmiah yang menepati kaedah-kaedah sains moden dan penjelasan makna saintifik terhadap *dilalah* ayat-ayat al-Qur'an selari dengan ketentuan dan analisis sains semasa.

Jumlah sampel yang dipilih adalah sebanyak lima sahaja yang memenuhi kriteria bagi menjawab dua persoalan kajian (rujuk jadual 3.1, halaman 14). Dalam pemilihan sampel, pengkaji meneliti *dilalah-dilalah ijaz* daripada data-data primer seiring itu semasa mengumpulkan data-data primer, penelitian dijalankan secara langsung bersama analisis data-data sekunder untuk menghubungkan *dilalah-dilalah ijaz* dengan sains bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

Kaedah Penganalisan data

Instrumen analisis data adalah proses menyusun dan mengurus data ke dalam pola, kategori, kesepaduan huraian dasar sehingga dapat bertemu dengan tema seterusnya dapat dirumus hipotesis kerja seperti yang disarankan oleh data (Elo, Satu, & Helvi Kyngäs 2008). Pengkaji melaksanakan langkah-langkah berikut dalam kajian ini:-

Mengenal pasti - Langkah ini dilakukan dengan cara meneliti data-data primer untuk mencari dan mengumpulkan dilalah ijaz di

dalam juz 'Ammah. Kemudian ayat-ayat tersebut dikelompokkan mengikut persoalan kajian.

Mengelompokkan - Langkah ini adalah aktiviti menghimpunkan dan mengklasifikasikan data-data mengikut disiplin-disiplin ilmu yang pelbagai di bawah tema/persoalan kajian.

Analisis / Interpretasi - Langkah ini merupakan aktiviti untuk memperoleh erti dan makna yang lebih mendalam dan luas terhadap hasil kategorisasi. Penelitian mengenai dilalah ijaz pada lokasi kajian ditinjau secara kritis dengan teori yang relevan dan informasi yang tepat. Proses ini di sokong dengan data-data sekunder.

Dapatan Kajian

Penciptaan langit dan Matahari

Dilalah al-Sama' (teori peluasan alam)

وَالِى السَّمَاوَاتِ كَيْفَ رَفَعَتْ ۝۸۱


(al-Quran 88:18)

Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaanya.

Dilalah al-Sama' dalam ayat ini pengkaji mencadangkan ia merujuk alam semesta kerana ia berkaitan dengan *dilalah* kata selepasnya iaitu (رفعت) terjemahannya diangkat atau ditinggikan iaitu diangkat ke arah atas. Kita maklum bahawa bumi berbentuk sfera seperti bola. Arah ke atas bagi kita di Malaysia, ialah arah menuju ke langit. Bagi orang yang tinggal di jepun, arah ke atas juga adalah menuju ke arah langit. Begitu juga bagi orang-orang yang tinggal di kutub utara dan selatan arah ke atas adalah arah menuju ke langit. Pemahaman secara literalnya ayat di atas, dan bagaimana langit ditinggikan (Abdullah Basmeih 2012).

Kita sudah maklum bahawa bumi kita ini dilitupi oleh ruang angkasa atau langit. Menurut Syahab (1978) langit ditinggikan bermakna langit yang meliputi bumi akan bergerak arah menjauhi bumi sehingga arahnya tegak lurus pada seluruh permukaan bumi dan kerana bumi berbentuk sfera maka langit yang meliputi

bumi mengembang ke setiap arah. Pengkaji cadangkan *dilalah* (تَعَفَّرَ) daripada memberi maksud tinggi ditukar kepada mengembang kerana inilah yang sebenarnya terjadi pada angkasa raya kita. *Dilalah ijaz* ini sejajar dengan teori seperti didakwa ilmuan semasa bahawa alam berkembang (Mc Climens 2009). Al-Qur'an telah menyatakan lebih 1400 tahun dahulu sebelum sains menemuinya.



Rajah 1.1 Teori peluasan alam berhubung dengan *dilalah al-Sama'* (peluasan alam). Sumber: Mc Climens, A. (2009)

Berdasarkan penerangan ringkas di atas, dapat disimpulkan terdapat hubungan *dilalah ijaz* daripada ayat ke-18 surah al-Ghasyiah dengan ilmu semasa khususnya dalam disiplin astronomi, meteorologi dan ilmu falak. Justeru pengkaji memberi cadangan huraian *dilalah ijaz* kata (رفعت) dalam ayat ke-18 surah al-Ghasyiah dengan *dilalah* baharu iaitu mengembang dan bukan ditinggikan. Keadaan yang semakin berkembang ini selari dengan hujahan ilmuan semasa dalam bidang berkaitan dan ianya serasi dengan roh asal *dilalah* wahyu tersebut.

Dilalah al-Syams dan dhuha

وَالشَّمْسُ وَضُحَاهَا ۝۱

(al-Qur'an 91:1)

Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang.

Geymonat (1957) menyatakan tiga abad yang lalu, Galileo Galilei telah melihat permukaan matahari dengan menggunakan teleskop.


Galileo Galilei mendapati bahawa terdapat banyak bintang gelap pada permukaannya. Kajian berkaitan matahari terkini telah membuktikan hal sedemikian seperti yang kajian-kajian oleh pihak *National Aeronautics and Space Administration* NASA (2016).

Sedangkan jika kita tinjau pada *dilalah* (الشمس) al-Syams dan (ضحى الشمس) dalam ayat di atas secara literal membawa maksud matahari mempunyai cahaya yang sangat terang benderang. Mengapa perlu wujud segala bintang-bintang gelap seolah-olah dapatan kajian ilmuan semasa berselisih dengan *dilalah* secara literalnya. Menurut Syahab (1978) sebenarnya yang kelihatan seperti bintang-bintang gelap pada permukaan matahari adalah ledakan-ledakan panas yang menyala-nyala sehingga menghasilkan gelombang-gelombang yang dahsyat.

Ledakan-ledakan ini mengakibatkan terjadinya pusaran-pusaran gas panas yang sangat besar yang naik melambung dengan sangat cepat ke atas permukaan matahari sehingga mencecah ratusan ribu kilometer bahkan ada yang mencecah jutaan kilometer keluar daripada permukaan matahari. Sambil ia bergulung naik, gumpalan-gumpalan gas ini semakin bertambah lebar. Sifat gas, apabila semakin besar dan lebar maka semakin turun suhunya. Apabila semakin menurun suhu, semakin dingin permukaan kawasan gumpalan-gumpalan gas tersebut. Maka kawasan yang dingin itulah kelihatan seperti bintang-bintang gelap. Namun sebenarnya walaupun kelihatan seperti bintang gelap, ianya tetap sangat panas (NASA. 2016).

Justeru pengkaji mencadangkan *dilalah* baharu yang lebih tepat dan memenuhi aspirasi semangat asal wahyu; bagi kata (الشمس) al-Syams dan (ضحى الشمس) dalam ayat ini kepada ‘*Demi matahari dan ledakan-ledakan panasnya yang menyala-menyala*’ sebagai ganti ‘*dan cahayanya terang benderang*’ selepas kajian-kajian terkini membuktikannya. Namun *dilalah* ledakan dan cahaya masih berada dalam

dimensi makna yang satu, iaitu ledakan akan menghasilkan cahaya yang menyala-menyala.



Gambar 1.1 Bintang hitam pada permukaan matahari berhubung dengan *dilalah* al-Syams dan *dhuha*. Sumber: NASA (2016)

Berdasarkan penerangan ringkas di atas, dapat disimpulkan terdapat hubungan *dilalah ijaz* daripada ayat pertama surah al-Syams dengan ilmu semasa khususnya dalam disiplin astronomi, meteorologi dan ilmu falak. Justeru pengkaji memberi cadangan huraian *dilalah ijaz* kata (ضحاه) kepada *dilalah* baharu iaitu ledakan panas sebagai ganti cahaya yang terang-benderang. *Dilalah* ledakan panas ini selari dengan hujahan ilmuan semasa dalam bidang berkaitan dan ianya serasi dengan roh asal *dilalah* wahyu tersebut.

Penciptaan Bumi, Tumbuhan dan Haiwan

a). *Dilalah zalzal* (penciptaan bumi)


إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ۝

(al-Quran 99:1)

Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya

Dilalah zalzal (زلزال) dalam ayat ini adalah merujuk maksud goncangan menurut Abdullah Basmeih (2012). Menurut Syahab (1978) pula *dilalah* ayat ini merujuk kepada akan terjadinya suatu gempa bumi yang terhebat dan akan menghancurkan seluruh bumi. Keterangan ini dapat dilihat lebih jelas pada ayat berikutnya yang berbunyi mafhumnya; “Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya yang berat” (al-Qur’an 99:2).

Untuk lebih jelas memahami *dilalah* ayat di atas, kita harus faham terlebih dahulu apa yang dimaksudkan dengan gempa bumi. Menurut Bencana (2012) pula gempa bumi ditakrifkan sebagai getaran atau kejutan yang berlaku pada permukaan bumi yang disebabkan oleh pelanggaran antara plat tektonik dan aktiviti batuan gunung berapi atau serpihannya. Seperti yang kita maklum bumi adalah sebuah bola besar berbentuk sfera dibungkus oleh selapis kulit nipis yang keras (granit). Pada lapisan bawah kulit yang keras itu terdapat lapisan yang kental dan liat (basalt) dan sangat panas suhu mencecah antara 1,200°C -1,800°C. Lapisan kedua ini tebalnya 2,850 km dibandingkan dengan lapisan luar yang tebalnya hanya kira-kira 50 km sahaja.



Rajah 1.2 Pelanggaran plat tektonik yang tidak normal (*oblique fault*) yang menyebabkan terjadinya gempa bumi berhubung dengan *dilalah zalzal*. Sumber: Syahab (1978)

Pada lapisan kerak granit yang nipis inilah menjadi tempat tinggal manusia yang selesa. Namun keseimbangan keadaan kerak bumi itu sering diganggu oleh pergerakan-pergerakan aktiviti di bawahnya. Pergerakan-pergerakan plat tektonik antara lainnya adalah sebagai suatu proses pembuangan haba dari dalam bumi ke luar angkasa. Gangguan-gangguan inilah yang menyebabkan terjadinya gerakan-gerakan pada kerak bumi yang manusia rasainya sebagai suatu gempa yang memusnahkan. Menurut Syahab (1978) gempa bumi terbahagi kepada tiga jenis iaitu:-

- Pertama:** Gempa bumi yang disebabkan oleh gunung berapi.
- Kedua :** Gempa bumi yang disebabkan oleh runtuhan.
- Ketiga :** Gempa bumi yang disebabkan oleh pelanggaran plat tektonik.

Berdasarkan penerangan ringkas di atas, dapat disimpulkan terdapat hubungan *dilalah ijaz* daripada ayat pertama surah al-Zalzalah dengan ilmu semasa khususnya dalam disiplin geologi dan geografi. Pengkaji tidak memberi cadangan huraian *dilalah ijaz* kata (زلزال) (*zalzal*) dalam ayat ini dengan *dilalah* baharu, kerana *dilalah* sedia ada sudah menepati dan diakui oleh kajian-kajian eksperimen ilmu-ilmu semasa. Huraian *dilalah* sebagai gempa atau goncangan adalah selari dengan hujahan ilmuan semasa dalam bidang berkaitan dan ianya serasi dengan roh asal *dilalah* wahyu tersebut.

***Dilalah* Tin dan Zaitun (penciptaan tumbuhan)**

وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ ۝١

(al-Qur'an 95:1)

Demi buah tin dan zaitun. Mengapa Allah bersumpah dengan buah Tin dan buah Zaitun di dalam surah ini. Pasti terkandung rahsia-rahsia yang tersembunyi. Mungkin inilah sebab Allah SWT bersumpah dengan keduanya, sebagai arahan menyuruh manusia mencari kebaikan daripada kedua-dua buah ini dan menyebarkan manfaat tersebut ke seluruh alam. Menurut Khasanah (2011) di dalam tubuh manusia terdapat suatu mekanisme menakjubkan yang

bekerja untuk mempertahankan kesihatan tubuh yang disebut sistem imun tubuh. Sistem ini bekerja untuk melawan mikroba seperti bakteria, virus, parasit, kulat dan toksin atau racun yang menyerang tubuh. Sistem imun tubuh melawan banyak mikroorganisma dan toksin setiap hari.

Pada umumnya, sistem imun bekerja dengan baik dalam mempertahankan kesihatan tubuh, akan tetapi kadangkala jika ada gangguan dengan sistem imun inilah yang boleh menyebabkan tubuh menjadi sakit ataupun diserang jangkitan oleh mikroba. Meskipun tubuh mempunyai sistem imun yang baik, terdapat pelbagai jenis makanan segera dan makanan siap proses yang banyak mengandungi pengawet, pewarna, perasa dan pemanis yang digunakan dapat menyebabkan pelbagai penyakit.

Dengan pengambilan buah-buahan yang banyak mengandungi gizi dan zat anti oksidan akan menjadi penyelesaian dalam persoalan dalam penjagaan kesihatan kita. Ketika ini banyak kajian yang sudah dilakukan daripada pelbagai tanaman yang dapat digunakan sebagai ubat. Oleh kerana itu, kita perlu mengetahui apa saja zat yang terkandung di dalam buah tin dan zaitun untuk kesihatan

Buah Tin (*Ficus carica L*)

Menurut Praja (2014) buah tin merupakan buah yang mengandungi zat sejenis alkali yang mampu menghilangkan keasidan pada tubuh. Zat-zat aktif yang terdapat dalam buah tin adalah sejenis zat-zat pembersih yang boleh diguna untuk mengubati luka luar dengan cara melumurnya. Unsur yang terkandung dalam buah tin adalah karbohidrat, protein, dan minyak. Buah tin juga mengandungi sodium, kalsium, fosforat, zat besi, magnesium, belerang (fosfat), klorin, serta *malic acid* dan *nicotinic acid*. Hasil penelitian lebih lanjut menyebutkan bahawa buah tin termasuk buah yang dapat merangsang pembentukan hemoglobin darah, sesuai sebagai ubat penyakit anemia.

Menurut Norkumala (2016) menyatakan bahawa Prof J. A Vinson dari Universiti Scranton, Amerika Syarikat telah membuat kajian dan membuktikan bahawa buah tin mengandungi khasiat yang tinggi jika dibandingkan dengan buah-buahan yang lain. Buah tin tidak mengandungi garam, lemak dan juga kolesterol tetapi ia mengandungi lebih tinggi kandungan galian yang lain seperti kalium, serat dan zat besi. Kajian oleh beliau mendapati bagaimana buah tin mampu meningkatkan dan mengekalkan kesihatan tubuh badan manusia. Satu saiz hidangan buah tin (100g atau ¼ cawan) mengandungi 20% daripada keperluan zat serat seharian tubuh badan kita. Daripada jumlah tersebut, lebih 28% adalah jenis serat terlarut. Kajian menunjukkan bahawa serat terlarut boleh membantu mengawal gula di dalam darah dan mengurangkan kolestrol dalam darah dengan mengikatnya di dalam saluran pencernaan.

Manakala serat tidak larut pula dapat melindungi dan mencegah daripada penyakit kanser usus besar (kolon). Makanan yang kaya dengan serat terlarut mampu mengurangkan berat badan. Oleh itu, buah tin juga sesuai dalam mengatasi masalah berat badan berlebihan. Menurut Khasanah (2011) hasil penyelidikan perubatan, buah tin selain kaya dengan kalsium dan potasium juga mengandungi zat *benzaldehyde* yang bermanfaat melawan sel-sel kanser. Buah tin yang rasanya manis itu juga mengandungi zat yang sangat penting bagi tubuh manusia kerana dapat mengurangkan kadar kolesterol tidak baik, menguatkan jantung dan menormalkan pernafasan bagi pesakit asthma.

Zaitun (*Olea europea L*)

Dalam dunia saintifik, nama buah zaitun adalah *Olea europaea* yang masih tergolong dalam keluarga *Oleaceae*. Pokok Zaitun merupakan pokok yang boleh hidup dengan umur yang panjang malah mencecah ratusan malah ribuan tahun (Khasanah 2011). Ia tetap menghasilkan buah secara berterusan, sebagaimana ia akan selalu nampak indah bila dipandang. Zaitun dalam berbagai penelitian diyakini memiliki

banyak khasiat dan keistimewaan, dari batang, daun hingga buahnya.

Menurut Khasanah (2011) lagi, kandungan yang ada di dalam buah zaitun begitu kompleks antara lain terdapat kadar protein, gizi dan anti oksidan yang besar, sebagaimana ia memiliki kadar mineral yang mengandungi kalsium, zat besi, dan fosfat. Ini merupakan zat-zat penting dan sangat diperlukan oleh tubuh manusia. Di samping itu, buah, daun, minyak dan jus zaitun dapat digunakan sebagai anti jangkitan organ dalaman seperti ginjal, hempedu dan mengandungi kompaun koloid yang dapat membunuh sel-sel kanser. Kandungan kompaun koloid yang terdapat dalam zaitun seperti fenol, tokoferol, sterol, pigan dan squalene berperanan penting dalam mengekalkan kesihatan tubuh dan sebagai agen penyembuhan kepada beberapa penyakit. Kompaun fenol diyakini berfungsi sebagai antioksidan yang sangat kuat. Kesemua kompaun yang bermanfaat itu terkandung di dalam ekstrak buah zaitun yang berupa minyak.

Jadual 1.3 Kandungan nutrisi bagi buah tin berhubung dengan dilalah tin. Sumber : Bucci et al. (2002)

Nutrisi Buah Tin Segar (100grams)		Nutrisi Buah Tin Kering (100grams)	
Calories (kcal)	74	Calories (kcal)	249
Fibre (g)	3	Fibre (g)	10
Fat (g)	0	Fat (g)	1
Protein (g)	1	Protein (g)	3
Sugar (g)	16	Sugar (g)	48
Vitamin A (IU)	142	Vitamin A (IU)	10
Vitamin C (mg)	2	Vitamin C (mg)	1.2
Vitamin B1	0.1	Vitamin B1	0.1
Vitamin B2	0.1	Vitamin B2	0.1
Vitamin B6	0.1	Vitamin B6	0.1
Sodium	1	Sodium	10
Pottasium	232	Pottasium	680
Calcium	35	Calcium	162
Phosphorus	232	Phosphorus	67
Magnesium	17	Magnesium	68
Iron	0.4	Iron	3.07
Manganese	0.1	Manganese	0.8
Copper	0.1	Copper	0.3
Selenium	0.2	Selenium	0.6
Zinc	0.2	Zinc	0.5

Jadual 1.4 Kandungan nutrisi bagi minyak Zaitun berhubung dengan dilalah Zaitun Sumber: Bucci et al. (2002)

Nutrition Facts for Lard	Units	100 grams	1 Cup	1 tbsp	
Calories in Lard	kcal	902	1849	115	
Total lipid (fat)	g	100.00	205.00	12.80	
Fatty acids, total saturated	g	39.200	80.360	5.018	
Fatty acids, total monosaturated	g	45.100	92.455	5.773	
Fatty acids, total polyunsaturated	g	11.200	22.960	1.434	
Cholesterol	mg	95	195	12	
Phytosterols	mg	0	0	0	
Nutrition Facts for Chicken Fat	Units	100 grams	1 Cup	1 tbsp	
Calories in Chicken Fat	kcal	900	1845	115	
Total lipid (fat)	g	99.80	204.59	12.77	
Fatty acids, total saturated	g	29.800	61.090	3.814	
Fatty acids, total monosaturated	g	44.700	91.635	5.722	
Fatty acids, total polyunsaturated	g	20.900	42.845	2.675	
Cholesterol	mg	85	174	11	
Phytosterols	mg	0	0	0	
Nutrition Facts Olive Oil	Units	100 grams	1 tablespoon	1 cup	1 tsp
Energy	kcal	884	119	1909	40
Total lipid (fat)	g	100.00	13.50	216.00	4.50
Fatty acids, total saturated	g	13.808	1.864	29.825	0.621
Fatty acids, total monosaturated	g	72.961	9.850	157.596	3.283
Fatty acids, total polyunsaturated	g	10.523	1.421	22.730	0.474
Cholesterol	mg	0	0	0	0
Phytosterols	mg	221	30	447	10

Berdasarkan penerangan ringkas di atas, dapat disimpulkan terdapat hubungan *dilalah ijaz* daripada ayat pertama surah al-Tin dengan ilmu semasa khususnya dalam disiplin perubatan, kesihatan dan nutrisi. Pengkaji tidak memberi cadangan huraian *dilalah ijaz* kata (نيتل) (tin) dan (نوتيللا) (zaitun) dalam ayat ini dengan *dilalah* baharu, kerana *dilalah* sedia ada diterima dan lebih mesra daripada aspek penerimaan manusia yang mempunyai kerangka pemikiran emperikal yang terbatas. Huraian *dilalah* buah-buahan seperti yang dimaksudkan masih selari dengan hujahan ilmunan semasa dalam bidang-bidang berkaitan.

Dilalah Ibil (penciptaan haiwan)

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ۗ ٧١

(al-Qur'an 88:17)

Tidakkah mereka memerhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan

Mengapa Allah SWT menyuruh manusia melihat, berfikir dan mengkaji tentang haiwan bernama unta. Pasti juga terkandung rahsia yang tersembunyi. 55°C adalah suhu yang panas membakar. Itulah suhu dicatat cuaca panas di gurun padang pasir. Di sini terdapat ribut pasir yang menelan apa saja yang dilaluinya, dan membahayakan pernafasan. Padang pasir bererti kematian yang tidak dapat dielakkan bagi seseorang tanpa perlindungan ketika terperangkap di dalamnya. Hanya kendaraan yang secara khusus dibuat untuk tujuan ini saja yang dapat bertahan dalam suasana gurun. Apa jua jenis kenderaan yang berjalan di atas permukaan padang pasir yang panas menyengat di gurun, harus direka untuk mampu menahan cuaca panas dan badai ribut pasir. Selain itu, ia harus mampu berjalan jauh, dengan sedikit bahan bakar dan sedikit air. Mesin yang paling mampu menahan kondisi sukar ini bukanlah kenderaan bermesin, tetapi ianya merupakan seekor binatang, iaitu unta.

Unta telah membantu manusia yang hidup di gurun sepanjang sejarah, dan telah menjadi simbol bagi kehidupan di gurun. Panas gurun amat perit bagi makhluk lain. Selain sejumlah kecil serangga, reptilia dan beberapa binatang kecil lainnya, tidak ada binatang yang mampu hidup di sana. Jika kita amati bagaimana unta diciptakan, kita akan dapati bahawa setiap bahagian daripadanya adalah keajaiban penciptaan Allah. Yang sangat diperlukan untuk kelangsungan kehidupan pada cuaca panas membakar di gurun adalah air, tapi sukar kita menemukan air di kawasan gurun. Menemukan sesuatu yang dapat dimakan di hamparan pasir tak bertepi juga kelihatan mustahil. Jadi, binatang yang hidup di sini harus mampu menahan lapar dan dahaga, dan unta telah diciptakan dengan kemampuan ini.

Menurut Wilson (1984) unta dapat bertahan hidup hingga lapan hari pada suhu lima puluh darjah celcius tanpa makanan dan minuman. Ketika unta yang mampu berjalan tanpa minum dalam waktu yang lama sebelum bertemu sumber air, ia akan menyimpannya.

Unta mampu meminum air sebanyak sepertiga berat badannya dalam waktu sepuluh minit. Ini bererti seratus tiga puluh (130) liter dalam sekali minum; dan tempat penyimpanannya adalah di bonggolnya. Sekitar empat puluh (40 kg) kilogram lemak tersimpan di sini. Hal ini menjadikan unta mampu berjalan berhari-hari di gurun pasir tanpa makan apapun.

Kebanyakan makanan di gurun pasir adalah kering dan berduri. Menurut Stevens et al. (2004) sistem pencernaan unta telah diciptakan sesuai dengan kondisi yang sukar ini. Gigi dan mulut binatang ini telah dicipta khas untuk memungkinkannya memakan duri tajam dengan mudah. Perutnya memiliki rekaan khusus yang tersendiri sehingga cukup kuat untuk mencerna hampir semua tumbuhan di gurun.


Angin gurun yang muncul tiba-tiba biasanya menjadi petanda kedatangan ribut pasir. Butiran pasir boleh menyesakkan nafas dan membutakan mata. Tapi, Allah telah menciptakan sistem perlindungan khusus pada unta sehingga ia mampu bertahan terhadap ribut pasir. Menurut Wilson (1984) lagi kelopak mata unta melindungi matanya daripada dari debu dan butiran pasir. Namun, kelopak mata ini juga transparan atau tembus cahaya, sehingga unta tetap dapat melihat meskipun dengan mata tertutup. Bulu matanya yang panjang dan tebal khusus diciptakan untuk mencegah masuknya debu ke dalam mata. Manakala rekaan khusus pada hidung unta boleh ditutup dengan penutup khusus pada hidungnya ketika ribut pasir menerpa.

Salah satu bahaya terbesar bagi kenderaan yang berjalan di gurun adalah terperosok ke dalam pasir. Tetapi menurut Horta (1987) ini tidak terjadi kepada unta, sekalipun ia membawa muatan seberat ratusan kilogram, kerana kakinya diciptakan khusus untuk berjalan di atas pasir. Telapak kaki yang lebar menahannya daripada tenggelam ke dalam pasir, dan berfungsi seperti pada sepatu salju. Kaki yang panjang

menjauhkan tubuhnya dari permukaan pasir yang panas membakar di bawahnya. Tubuh unta ditutupi oleh bulu lebat dan tebal. Ini melindunginya dari sengatan sinar matahari dan suhu padang pasir yang dingin membeku setelah matahari terbenam.

Schmidt-Nielsen et al. (1967) menyatakan beberapa bahagian tubuhnya ditutupi sejumlah lapisan kulit pelindung yang tebal. Lapisan-lapisan tebal ini ditempatkan di bagian-bagian tertentu yang bersentuhan dengan permukaan tanah saat ia duduk di pasir yang amat panas. Ini mencegah kulit unta agar tidak terbakar. Lapisan tebal kulit ini tidaklah tumbuh dan terbentuk perlahan-lahan tetapi unta memang dilahirkan sedemikian. Rekaan khusus ini memperlihatkan kesempurnaan penciptaan Allah terhadap unta.

Setelah mengamati semua ciri unta yang telah kita tinjau. Sistem khusus yang memungkinkannya menahan dahaga, bonggol yang memungkinkannya berjalan jauh dan lama tanpa makanan dan minuman, struktur kaki yang menahannya dari tenggelam ke dalam pasir, kelopak mata yang tembus cahaya, bulu mata yang melindungi matanya daripada pasir, hidung yang dilengkapi rekaan khusus anti ribut pasir, struktur mulut, bibir dan gigi yang memungkinkannya memakan duri dan tumbuhan gurun, sistem pencernaan yang dapat mencerna hampir semua benda, lapisan tebal khusus yang melindungi kulitnya daripada pasir yang panas membakar, serta bulu pada permukaan kulit yang khusus dirancang untuk melindunginya daripada panas dan dingin.



Rajah 1.3 Fungsi anggota seekor unta yang sesuai hidup di padang pasir berhubung dengan *dilalah* Ibil.
Sumber: Schmidt-Nielsen et al. 1967

Berdasarkan analisis yang dikemukakan dalam bab ini pengkaji dapat simpulkan bahawa terdapat hubungan *dilalah ijaz* dalam *juz 'Amma* dengan alam dan penciptaannya. Pengkaji memulakan bab ini dengan membentangkan hujahan berkaitan penciptaan alam menurut pandangan wahyu dan pandangan sains. Kemudian penulis memperincikan huraianya dengan mendatangkan hujah-hujah yang menghubungkan *dilalah ijaz* dalam *juz 'Amma* dengan penciptaan langit dan matahari. Seterusnya pengkaji meneruskan analisis hubungan *dilalah ijaz* dengan penciptaan bumi, tumbuhan dan haiwan.

Kesimpulan

Rumusan Kajian

Manusia dengan kerangka kefahaman imperikal yang amat terbatas sangat bersandar kepada pengalaman-pengalaman lampau bagi membentuk ilmu-ilmu baharu. Jelas al-Qur'an diturunkan dalam bahasa manusia, namun ianya datang dalam keadaan yang ringkas (*ijaz*). Hal ini memerlukan manusia mentafsir, menelaah maklumat dan data di sebalik *dilalah* yang *ijaz* atau ringkas ini. Lalu manusia melalui metodologi Islam, manusia mengintrepretasikan *dilalah-dilalah* al-Quran yang serasi dengan roh asal *dilalah* sesuatu wahyu itu diturunkan. Para pengkaji perlu lebih kreatif dan berfikir

di luar kotak berbeza daripada kebiasaan untuk merealisasikan intepretasi *dilalah* merujuk zaman dan ilmu semasa sebagai bukti kemukjizatan al-Qur'an. Objektif kajian ini adalah menjawab dua persoalan kajian iaitu:

1. Apakah hubungan *dilalah* *ijaz* *juz 'Amma* dengan penciptaan langit dan matahari?
2. Apakah hubungan *dilalah* *ijaz* *juz 'Amma* dengan penciptaan bumi, tumbuhan dan haiwan?

Pengkaji mendapati wujud hubungan *dilalah* al-Qur'an 88:18 dengan kajian saintifik berkaitan teori peluasan alam. *Dilalah* al-Qur'an 91:1 pula sangat berhubung dengan kajian ledakan pusan gas panas pada permukaan matahari. Pengkaji juga mendapati ada hubungan serasi *dilalah* al-Qur'an 99:1 berkaitan kajian terhadap gempa bumi. Penciptaan tumbuh-tumbuhan dan haiwan seperti *dilalah* al-Qur'an 95:1 dan 88:17 juga telah membuktikan hubungan serasi *dilalah* al-Qur'an dengan ilmu-ilmu semasa.

Implikasi Kajian

Kajian ini akan memberi implikasi terhadap kajian-kajian yang lepas, khususnya dalam proses Islamisasi ilmu. Pada dasarnya mengintepretasi makna atau menghuraikan *dilalah* bukanlah sekadar memindahkan makna di sebalik perkataan, ayat atau mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Banyak perkara perlu dipertimbangkan semasa proses ini seperti mengambil kira situasi (asbab al-Nuzul), budaya penutur, konteks ayat semasa sesuatu ayat itu dibina dan juga perlu mengambil kira istilah-istilah ilmu dalam bidang sains (khusus untuk kajian ini).

Kita perlu memelihara beberapa prinsip berkaitan "makna" atau *dilalah*. **Pertama:** *dilalah* berubah-ubah mengikut peredaran masa, namun masih harus serasi dengan aspirasi asal wahyu. **Kedua:** *dilalah* dalam bahasa dengan dialek yang berlainan mempunyai makna yang berbeza, ini disebabkan oleh perluasan makna dan penyempitan makna, **Ketiga:** *dilalah* yang

tidak merujuk kepada perkara yang dirujuk tetapi ia hanya bertindak sebagai simbol dan **Keempat:** setiap *dilalah* selalu adalah sesuatu yang luas.

Penemuan terhadap hubungan jelas *dilalah* al-Qur'an dengan ilmu-ilmu semasa khusus di bidang sains menggunakan pendekatan yang berbeza daripada metodologi tafsir terdahulu merupakan penemuan yang memberikan manfaat kepada umat Islam khususnya dan umat manusia amnya dalam konteks perkembangan intelektual semasa. Kajian ini merupakan sebahagian usaha meletakkan Islam sebagai agama yang fleksibel dan global dalam dalam mendepani isu semasa. Justeru pengkaji berpendapat, kajian dan penelitian terhadap *dilalah* al-Qur'an adalah satu usaha yang perlu diteruskan lagi terutamanya apabila melihat perkembangan saintifik semasa.

Kajian ini juga membuktikan bahawa sumber turath Islam amat kaya dengan khazanah ilmu yang tidak ternilai. Manfaatnya yang tidak terhenti setakat untuk penganutnya sahaja, bahkan penganut bukan Islam juga boleh mengambil manfaat daripadanya. Terasnya semasa berinteraksi dengan sumber turath Islam setiap pengkaji perlu memelihara kombinasi dua pertembungan antara kebebasan mengambil manfaat sumber dan kepatuhan terhadap akidah, syariat dan akhlak semasa proses mengambil manfaat berlaku.

Cadangan Kajian

Antara cadangan pengkaji terhadap kajian-kajian seumpama pada masa hadapan adalah seperti berikut:-

1. Pengkaji mencadangkan supaya dibuat garis panduan yang lebih jelas supaya tiada berlaku tafsiran yang tidak selari dengan kehendak asal wahyu. Maka, penulis gariskan secara kasar sebagai langkah awal ke arah itu, antaranya:

- a) Untuk kajian teks wahyu berhubung ilmu-ilmu semasa, selama-lamanya wahyu tidak boleh tunduk kepada teori, kerana teori sifatnya boleh berubah dan boleh ditolak.
- b) Ilmuan Islam perlu menegaskan bahawa, ilmu dan wahyu adalah bersumberkan asal yang sama.
- c) Kajian seumpama ini seharusnya *dilalah* ditinjau melalui *dilalah* keseluruhan ayat atau surah itu sendiri, bukan dibandingkan dengan ayat lain di dalam surah yang berbeza.

2. Kajian ini adalah terhad kepada *juz 'Ammah*. Ruang untuk menganalisis *dilalah* terbuka luas pada juz-juz yang lain di dalam al-Qur'an.

3. Kajian mengenai *dilalah* al-Qur'an yang pengkaji lakukan hanya terbatas dengan beberapa disiplin ilmu sahaja khususnya dalam bidang sains. Kajian-kajian seumpama ini boleh dikembangkan kepada disiplin yang lain seperti sejarah, ekonomi, pendidikan dan sebagainya

Usaha untuk membugar dan menambah nilai kualiti intepretasi *dilalah* al-Qur'an sedia ada di samping mengelakkan daripada sebarang ketidakserasian dengan ilmu semasa yang boleh memberikan tanggapan positif terhadap al-Qur'an merupakan usaha yang cukup murni dan diberikan tumpuan yang sewajarnya. Justeru penulis berharap agar usaha tersebut diteruskan dan bidang intepretasi *dilalah* al-Qur'an terus berkembang seiring dengan kemajuan ilmu dan teknologi semasa yang seterusnya dapat membentuk masyarakat yang mengkaji, menghayati dan mengamalkan al-Qur'an dalam praktikal hidup.

Rujukan

Al-Qur'an

Abdullah Basmeih, Sheikh. 1980. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an. Kuala Lumpur: Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah Basmeih, Sheikh. 2012. Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia dan Terjemahan Per-kata. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abd al-Raziq, Sayyid Sayyid. 2002. Al-Manhaj al-Islami fi al-Naqd al-Adabi. Damsyik : Dar al-Fikr.

Adnan, Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed. 2008. Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Peradaban: Satu Kajian Dari Sudut Keistimewaannya. Jurnal Usuluddin, 27, 157-167.

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkifli Mohd Yusoff, Selamat Amir & Ahmad Farid Ibrahim. 2014. Harmonizing Between The Translations of The Meaning of The Kawniyyat and Modern Science. Fact: A Review of The Verses of The Creation of The Human. Tajdid In Quranic Studies (1) : 157-170.

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi. 2014. Terjemahan Makna Ayat Kawniyyat Dalam Terjemahan Al-Qur'an Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Tafsir cIlmi. Disertasi Ph.D. Universiti Malaya.

Amanah, N. 2015. 'Ijaz al-Qur'an 'Inda Abi al-Qasim al-Zamakhshariy (Dirasah Tahliliyyah Wasafiyyah Balaghiyyah fi Surat Al Fatihah). Disertasi Ph.D. UIN Sunan Kalijaga.

Awang, Noor Anida, & Tasnim Mohd Annuar. 2014. al-Musyarak al-Lafzi Menurut Perspektif Ilmuwan Linguistik Arab. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari (7) 25-35.

Baihaqi, Yusuf. 2011. Aspek Bahasa sebagai Pembeza antara Kemu'jizatan al-Qur'an dan Bukti-Bukti Kebenarannya. Lingua: Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra, 5(1).

Bencana, Badan Nasional Penanggulangan. 2012. Definisi dan Jenis Bencana. <http://www.bnnpd.go.id/> diakses, 25 [20 Julai 2016].

- Bucci, Remo, Andrea D. Magri, Antonio L. Magri, Domenico Marini dan Fedrico Marini. 2002. Chemical authentication of extra virgin olive oil varieties by supervised chemometric procedures. *Journal of agricultural and food chemistry*, 50 (3), 413-418.
- Chamberlin, Thomas C., dan Forest R. Moulton. 1900. Certain Recent Attempts To Test The Nebular Hypothesis. *Science*, 201-208.
- Elo, Satu, dan Helvi Kyngäs. 2008. The qualitative content analysis process. *Journal of advanced nursing*, 62(1), 107-115.
- Geymonat, Ludovico. 1957. Galileo Galilei. t.tp.: t.pt.
- Hary, Setiawan. 2014. Metode Tafsir al-Quran Alternatif. <http://www.dakwatuna.com/2014/02/20/46549/metode-tafsir-al-quran-alternatif/> [20 Julai 2016]
- Horta, Jose Carlos de OS. 1987. The Design And Construction Of Low-Volume Roads In The Northwestern Sahara. *Transportation Research Record* (1106).
- al-Isfahani, Raghieb. 2013. al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an. Beirut: Maktabah al-Taufiqiah.
- Ibnu 'Asyur Muhammad Tahir. 2012. Tafsir al-Tahrir Wa al-Tanwir. Tunis: Dar al-Sujun Lil-Nasyar wa al-Tauzi'.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fada'al-Hafiz. 1966. al-Bidayah wa al-Nihayah. Beirut: Maktabat al-Ma'arif.
- al-Jurjani, Abd al-Qahir Abd al-Rahman. 1992. Dalail al- 'Ijaz. Mahmud Muhammad Shakir. Kaherah : Matba'ah al-Madani.
- al-Khalidi, Salah Abd. Al-Fatah. 2008. Taa'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin. Damsyik : Penerbit Dar al-Qalam.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Atikah Selamat. 2013. al-Qur'an Satu Mukjizat yang Menakjubkan. Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Qur'an. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres. ISBN 978-983-52-0915-4.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Hafshar Samsheh. 2013. al-Qur'an dan Tenaga Suria. Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Qur'an. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres. pp. 33-47. ISBN: 978-983-52-0928-4.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khasanah, Nur. 2011. Kandungan Buah-Buahan Dalam. *Jurnal Phenomeneon* (1) 1.
- Lilley, S. (1949). Pierre Simon Laplace (1749–1827). *Nature*, 163, 468-469.
- Mc Climens, A. 2009. Big bang theory. *Learning Disability Practice*. 12(9), 8-9.
- Mufid, Fathul. 2013. Pendekatan Filsafat Hermeneutika dalam Penafsiran Al-Quran: Transformasi Global Tafsir Al-Quran. *Ulul Albab Jurnal Studi Islam*. (1-21).
- Mulyawan, Sopwan. 2011. Studi Ilmu Ma'ani (Stylistic) Terhadap Ayat-Ayat Surat Yasin. *Holistik*, 12(2).
- al-Najjar, Zaghoul Raghieb Muhammad. 2007. Tafsir al-Ayat Al-Kawaniyyat fi al-Qur'an al-Karim. Jilid 4. Kaherah: Maktabah al- Syuruk al-Dauliyyah
- National Aeronautics and Space Administration @NASA. 2016. Solar super storm. <https://www.facebook.com/NASA/> [28 Julai 2016].
- Norkumala Awang 2016. Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM. <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7604-rahsia-keistimewaan-di-sebalik-buah-tiin-figs> [kemas kini 1 Ogos 2016].

- Praja, Denny Indra. 2014. *Islamic Food Combining: Menu Sehat Nabi Muhammad*. Yogyakarta: Garudhawaca.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. 2004. *Tafsir al-Qurtubi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ribas, Ignasi. 2006. Masses dan radii of low-mass stars: Theory versus observations. In *Close Binaries in the 21st Century: New Opportunities and Challenges (87-90)*.
- Roslan Ab Rahman dan Idris Abdullah. 2011. *Isticarah al-Quran dalam juzuk pertama: Suatu pandangan Ulama Balaghah*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara 2011, hlm. 400-409.
- al-Sya'rawi, Muhammad Mutawali. 1991. *Tafsir al-Sya'rawi*. Misr: Akhbar al-Yaum.
- Schmidt-Nielsen, K., Crawford, E. C., Newsome, A. E., Rawson, K. S., dan Hammel, H. T. 1967. Metabolic Rate of Camels: Effect of body temperature and dehydration. *American Journal of Physiology--Legacy Content*, 212 (2), 341-346.
- Selamat Amir, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff dan Monika Munirah Abd Razzak. 2014. Metode al-'Ilmi al-Naqli al-Ijtimai Dalam Menyerlahkan Kemukjizatan al-Qur'an : Satu Analisis Terhadap Metode al-Shacrawi Dalam Tafsir al-Shacrawi. *Tajdid In Quranic Studies (1) : 135-156*.
- Selamat Amir, Monika Munirah Abd Razzak dan Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. Aplikasi elemen saintifik dalam tafsir al-Qur'an: Satu pengamatan awal terhadap Manhaj Zaghlul al-Najjar dalam tafsir al-Ayat al-Kawniyyah fi al-Qur'an al-Karim. *Al-Bayan Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 10 (2), 49-68.
- Stevens, C. Edward dan Ian D. Hume. 2004. *Comparative physiology of the vertebrate digestive system*. UK: Cambridge University Press.
- Wardhana, Wisnu Arya. 2004. *al-Qur'an dan Energi Nuklir*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Wilson, R. T. 1984. *The camel*. London: Longman.
- Yafie, I. 2016. *Al-Ijaz wa al-Itnab fi Surah Ibrahim wa Maryam (Dirasah Tahliliyyah Balaghiyyah fi 'ilm al-Ma'aniy)*. Disertasi Ph.D. UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- al-Zamakhshari, Abu al-Qāsim Muhammad. 1998. *Al-Kasshaf can Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh at-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zahn, J. P. 1989. Tidal evolution of close binary stars. I-Revisiting the theory of the equilibrium tide. *Astronomy and Astrophysics*, 220, 112-116.
- Zulkarnain Mohamed. 2011. Pendekatan Tacamul-taklif dalam kajian sastera. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation* 29 (1) : 137 – 152.

